


Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

PELAJAR SENI BINA HASILKAN REKA BENTUK RUMAH BINAAN SEHARI HARGA RENDAH



YB Dato' Abdullah Ahmad Badawi sedang memberi pendapatnya mengenai rumah contoh rekaan Abdul Khasaf (bertali leher) sambil diperhatikan oleh Pengarah (kiri).

Dalam menyahut seruan kerajaan mengatasi masalah perumahan yang dihadapi, banyak pemaju dan syarikat di dalam dan luar negeri telah mengemukakan berbagai cadangan rumah kos rendah. Namun begitu, tidak banyak yang mengemukakan reka bentuk dengan ciri-ciri kebudayaan kebangsaan yang bersesuaian dengan iklim di negara ini. Oleh itu satu rancangan khas kaji selidik yang dijalankan oleh para pelajar Diploma Seni Bina tahun tiga yang memakan masa selama lapan minggu telah dibentuk bagi mengemukakan satu cadangan rumah kos rendah.

Dalam usaha mempelopori projek tersebut, sebuah badan perusahaan Team Enterprise Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk membiayai pembinaan rumah contoh itu serta menguji kepraktikan sistem tersebut sejajar dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan kos perbelanjaan pembinaannya. Hal ini secara langsung telah membuka peluang kepada

para pelajar Seni Bina untuk mengenal pasti kerja-kerja pembinaan yang sebenarnya.

Abdul Khasaf Hanafi telah memenangi tempat pertama untuk reka bentuk rumah dua tingkat. Menurut Abdul Khasaf, rumah yang berukuran sembilan meter panjang dan enam meter lebar itu berharga RM12,000 memerlukan 10 orang pekerja untuk menyiapkannya dalam masa sehari. YB Dato' Abdullah Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyampaikan cek kepada para pemenang pada 27 April 1983 di Dewan Sri Budiman. Di dalam ucapannya di upacara tersebut, beliau berkata bahawa jika ITM mampu mencipta rumah yang lebih murah, golongan berpendapatan rendah pasti merasa gembira. Beliau yakin pelajar - pelajar Kajian Seni bina, Perancangan dan Ukur ITM mampu menghasilkan reka bentuk rumah murah yang bermutu tinggi dengan mempunyai ciri-ciri kebudayaan nasional.

Rujukan:

Pelajar Seni bina hasilkan reka bentuk rumah binaan sehari harga rendah. (1983, April 14).
Berita ITM, p. 1 & 6.

BIL: 131/OKTOBER 2023